KESEPULUH :

Doa Dan Munajat

يَا أَكْرَمَ الْخَلْقِ مَا لِيْ مَنْ أَلُوْذُ بِهِ **
سِوَاكَ عِنْدَ حُلُوْلِ الْحَــادِثِ الْعَمَمِ

وَلَنْ يَضِيْقَ رَسُوْلَ اللهِ جَاهُكَ بِيْ **
إِذَا الْكَرِيْــمُ تَجَلَّى بِاسْمِ مُنْــتَقِمِ

فَإِنَّ مِنْ جُوْدِكَ الدُّنْيَا وَضَرَّتَهَــا **
وَمِنْ عُلُوْمِكَ عِلْمَ اللَّوْحِ وَالْقَلَمِ

يَا نَفْسُ لاَ تَقْنَطِيْ مِنْ زَلَّةٍ عَظُمَتْ **
إِنَّ الْكَبَــآئِرَ فِي الْغُفْــرَانِ كَاللَّمَمِ

Wahai sebaik-baik makhluk! Tiada sesiapa untukku berlindung;

Selain daripadamu (ﷺ), ketika berlaku huru-hara yang membingungkan (di Padang Mahsyar).

Moga kedudukanmu (ﷺ) tidak sempit untuk menolongku;

Apabila Tuhan Yang Maha Pemurah bertindak membalas segala dosa dan kesalahan hambaNya.

Kebaikan dunia dan akhirat adalah sebahagian daripada kemurahanmu (ﷺ);

Sementara ilmu di Luh al-Mahfuz dan al-Qalam adalah sebahagian daripada ilmu yang dikurniakan oleh Allah ﷻ kepadamu (ﷺ).

Wahai diri! Janganlah engkau cepat berputus-asa daripada kesalahanmu walaupun besar;

Kerana dosa besar adalah kecil di sisi keampunan Allah ﷻ.

لَعَلَّ رَحْمَةَ رَبِّي حِيْــــنَ يَقْــــسِمُهَا **

تَأْتِي عَلَى حَسَبِ الْعِصْيَانِ فِي الْقِسَمِ

يَا رَبِّ وَاجْعَلْ رَجَائِي غَيْرَ مُنْعَكِسٍ **

لَدَيْكَ وَاجْعَلْ حِسَــــابِيْ غَيْرَ مُنْخَرِمِ

وَالْطُفْ بِعَبْدِكَ فِيْ الدَّارَيْنِ إِنَّ لَهُ **

صَبْرًا مَتَــــى تَدْعُهُ ٱلْأَهْوَالُ يَنْهَــــزِمِ

وَأْذَنْ لِسُحْبِ صَلاَةٍ مِنْكَ دَآئِمَةٍ **

عَلَى النَّــــبِيِّ بِمُنْــــهَلٍّ وَمُنْــــسَجِــــمِ

وَالْآلِ وَالصَّحْبِ ثُمَّ التَّابِعِيْنَ فَهُمْ **

أَهْلُ التُّقَى وَالنَّقَى وَالْحِلْمِ وَالْكَــــرَمِ

مَا رَنَّحَتْ عَذَبَاتِ الْبَانِ رِيْحُ صَبًا **

وَأَطْرَبَ الْعِيْسَ حَادِي الْعِيْسِ بِالنَّغَمِ

Moga-moga rahmat Tuhanku ketika Dia membahagikannya;
Sesuai dengan dosa yang dilakukan hingga dapat menghapuskan segala dosa ketika dibahagikan.

Wahai Tuhan! Jadikanlah harapanku padaMu tidak dihampakan;
Dan jadikanlah hisabku di akhirat kelak tidak menemui kerugian.

Kasihanilah hambaMu ini di dunia dan akhirat;
Kerana kesabarannya sangat lemah dan mudah kalah ketika menghadapi ujian dan cubaan.

Izinkanlah awan rahmat mencucurkan rahmatMu sepanjang masa;
Ke atas Nabi Muhammad ﷺ dengan deras dan lebatnya.

Begitulah juga ke atas keluarga dan para sahabat serta Tabi’in;
Ahli taqwa, orang yang suci bersih, berlemah lembut dan mulia.

Selama dahan kayu “Al-Baan” masih digoyangkan oleh tiupan angin “Shoba” (angin sepoi-sepoi bahasa);
Dan selama unta menari kegirangan kerana mendengar lagu merdu yang didendangkannya.